

Program sedia ke setiap negeri

PM puas hati sambutan hangat rakyat di Stadium Bukit Jalil

Oleh Noor Atiqah Sulaiman dan Essa Abu Yamin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan akan menimbang memperluaskan program Setahun Bersama Kerajaan Malaysia MADANI ke setiap negeri berikutan sambutan menggalakkan rakyat sejak hari pertama program itu bermula kelmarin, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, selain sambutan hangat rakyat terhadap program di pekarangan Stadium Nasional Bukit Jalil itu, beliau juga berpuas hati dengan kerjasama di antara jabatan dan agensi kerajaan yang mengambil bahagian.

Justeru, beliau berkata, perancangan mengadakan program sama pada peringkat negeri akan dibincangkan pada mesyuarat Jemaah Menteri minggu depan.

"Alhamdulillah, sambutan sa-

Setahun Bersama Kerajaan

MALAYSIA MADANI

ngat menggalakkan, kerjasama antara jabatan kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sangat memuaskan.

"Saya saksikan minat rakyat bertambah baik.

"Kalau nampak perjalanan begini, kita mungkin mempertimbangkan pada Mesyuarat Jemaah Menteri minggu depan, sama ada kita boleh pindahkan kegiatan pameran seperti ini supaya dapat memberi pencerahan kepada rakyat di setiap negeri," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meluangkan masa kira-kira dua jam melawat tapak pameran pada program berkenaan sambil diiringi Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, semalam.

Pelbagai aktiviti menarik

Program tiga hari itu menyediakan pelbagai aktiviti menarik termasuk karnival kerjaya yang mendapat kerjasama 63 agensi kerajaan dan swasta, termasuk



Anwar menyantuni orang ramai ketika melawat tapak pameran pada Program Setahun Bersama Kerajaan Malaysia MADANI di pekarangan Stadium Nasional Bukit Jalil, semalam.

(Foto BERNAMA)

Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Khazanah Nasional Berhad, PETRONAS, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Honda Malaysia Sdn Bhd.

Pengunjung juga boleh melawat 36 ruai yang menyediakan lebih 102 kaunter perkhidmatan pelbagai kementerian dan agensi

kerajaan, manakala Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula menawarkan diskaun saman sehingga 50 peratus.

Dalam pada itu, Anwar turut berharap pengunjung, terutamanya golongan muda mengambil manfaat daripada program dan perkhidmatan yang disediakan

sepanjang karnival berkenaan.

"Saya minta pengunjung terutama anak muda untuk teliti (perkhidmatan) setiap kementerian yang ada di sini dan melihat langkah diambil serta memanfaatkan kemudahan yang diumumkan oleh kerajaan," katanya.